

BAB 4

HUBUNGAN POLITIK SINGAPURA

Pengenalan

Persoalan besar yang dihadapi oleh Singapura ialah mengenai keupayaan pentadbiran dan kepimpinan dalam melaksanakan sesuatu dasar. Pentadbiran ialah peranan Kementerian Luar Negeri dalam menentukan dasar luar Singapura. Kepimpinan ialah keupayaan pentadbiran, khususnya dari kaca mata anggota tentera sebagai salah satu elemen terpenting dalam keselamatan sesebuah negara. Justeru itu, konsep elit adalah berkait secara langsung dengan soal kepimpinan. Pada dasarnya *elit* dianggap sebagai anggota masyarakat yang terpilih dan boleh dijadikan model yang dibanggakan serta boleh menimbulkan dorongan kepada majoriti anggota masyarakatnya¹.

Keupayaan kepimpinan Lee Kuan Yew serta anggota kabinetnya akan menentukan kejayaan Singapura dalam pelbagai bidang, khususnya untuk meletakkan Singapura setanding dengan negara-negara maju, sama ada dalam pembangunan fizikal maupun dalam pembangunan masyarakat. Mengikut MacGregor Burns, faktor

kepimpinan merujuk kepada; “is an aspect of power... as leaders inducing followers to act for certain goals that represent the values and motivations - the wants and needs, the aspiration and expectations - of both leaders and followers”².

Sehubungan itu, persoalan kepimpinan merujuk kepada usaha untuk mencapai matlamat, memperolehi nilai dan untuk mempertahankan kepentingannya. Oleh itu, Kementerian Luar Singapura akan mengkaji semua matlamat mereka berdasarkan perubahan masa dan suasana. Begitu juga dengan perbezaan ideologi, kepercayaan dan bangsa memainkan peranan penting. Justeru itu, matlamat dan strategi perundingan diplomatik sentiasa tertakluk kepada penilaian para diplomat yang bertugas di seberang laut³. Namun begitu, orientasi, matlamat yang terbentuk oleh pembuat dasar, seharusnya mempunyai pengaruh yang cukup kuat agar dapat merubah suasana dalam apa jua keadaan.

Pada peringkat awal kemerdekaan, Lee Kuan Yew dan S. Rajaratnam telah memainkan peranan penting dalam dasar luar Singapura. Mereka telah membuat beberapa kenyataan tentang landasan yang dipilih oleh pucuk pimpinan Singapura. Antaranya ialah sikap tidak memihak kepada mana-mana kuasa atau blok, menjalinkan hubungan diplomatik dengan negara-negara serantau, negara-negara Komenwel, negara-negara di rantau Afro-Asia dan berusaha untuk menjaga kepentingan Malaysia⁴. S. Rajaratnam selaku Menteri Luar telah berjaya mewujudkan kepimpinan yang berkesan dan mempunyai

ikatan yang amat erat dengan Perdana Menteri. Setiap keputusan utama yang melibatkan pegawai-pegawai kedutaan dan perkembangan baru, maka Perdana Menteri akan diberitahu terlebih dahulu.

Sebagai Menteri Luar pertama, S. Rajaratnam mempunyai ciri-ciri peribadi yang unik. Beliau mendapat pendidikan sebagai seorang peguam, menjadi seorang wartawan dari segi kerjayanya. Beliau telah berkhidmat sebagai seorang editor di *The Straits Times* Singapura sehingga tahun 1959 apabila melepaskan jawatannya untuk menumpukan perhatiannya pula kepada politik. Beliau seorang yang berpegang kepada fahaman sosialis dan telah memberi sepenuh tenaga kepada PAP semenjak tahun 1954 lagi. Pada tahun 1959, beliau telah berkhidmat sebagai Menteri Kebudayaan. Beliau telah mewujudkan landasan baru kepada Kementerian Luar Singapura. Sebagai Menteri Luar, beliau telah mewakili Singapura dalam pelbagai tugas antara negara. Beliau dihormati dan menjadi tumpuan wartawan serta para akademik untuk mendapatkan pelbagai laporan atau kenyataan daripada beliau.

Matlamat Penubuhan PAP

PAP telah ditubuhkan di Singapura pada 21 November 1954 oleh sekumpulan peguam, guru, para pedagang-pedagang dan para penulis sebagai sebuah parti politik dengan landasan sosialis. Pelopor kepada penubuhan ini ialah Lee Kuan Yew, S. Rajaratnam, Dr. Toh Chin Chye, Dr. Goh Keng Swe dan K. Byrne⁵. Tujuan utama

penubuhannya ialah untuk menghapuskan kolonisme yang menguasai Singapura dan Tanah Melayu melalui perundangan. Dalam tempoh beberapa tahun awal kemerdekaannya, PAP telah berjaya mewujudkan satu kelompok elit dalam senarai kabinet, khususnya yang mempunyai persamaan dari segi latar belakang pendidikan⁶.

Kelompok kabinet yang diwujudkan adalah agak kecil dan sebahagian daripada pegawai-pegawai ada menjawat dua jawatan serentak. sebagai contoh, S. Rajaratnam telah menjawat jawatan menteri bagi kedua-dua Kementerian Luar dan Kementerian Buruh. Kabinet ini terdiri daripada ahli-ahli PAP yang mempunyai ikatan yang agak panjang dalam perkembangan dan falsafah yang dipegang oleh PAP. Keunikan yang wujud dalam kabinet ini ialah saiz strukturnya yang dianggap kecil berbanding dengan negara-negara lain yang membangun. Dengan kelompok kecil ini boleh mewujudkan persefahaman dan menyenangkan tugas bagi sesuatu dasar yang ingin dijalankan. Ini kerana PAP telah berjaya mendominasi keseluruhan struktur pentadbiran bagi mewujudkan satu kabinet yang memahami akan aspirasi masyarakat.

Pada tahun 1959, Perkhidmatan Awam Singapura atau *Singapore Civil Service* telah ditubuhkan dengan sembilan buah kementerian, iaitu ‘Kementerian Kehakiman’, ‘Pejabat Ketua Setiausaha Negara’, ‘Industri dan Perdagangan’, ‘Pendidikan’, ‘Kewangan’, ‘Kesihatan, Perumahan, Tanah dan Kerajaan Tempatan’, serta ‘Buruh dan Kebajikan’. Pihak pentadbiran British telah mengendalikan urusan ‘Kementerian Kehakiman’, ‘Pejabat Ketua Setiausaha Negara’ dan

'Kementerian Kewangan'. Namun begitu, kerajaan PAP telah mewujudkan kementerian baru, iaitu 'Kementerian Kebudayaan' dan menggabungkan 'Kementerian Perumahan' dengan 'Kementerian Tanah dan Kerajaan Tempatan' kepada satu kementerian yang dikenali sebagai 'Kementerian Pembangunan Negara' atau *Ministry of National Development*. Pihak PAP juga telah menyerahkan tanggungjawab kerajaan tempatan kepada kerajaan pusat⁷.

Penubuhan dan Organisasi Kementerian Luar

Pada bulan Ogos 1965, kemerdekaan yang dicapai ketika ini tidak diturut serta dengan sistem pentadbiran yang mengendalikan urusan luar negara. Negara itu terpaksa membina dari peringkat awal akan urusan-urusan diplomatik dan sistem pertahanannya tanpa terdapat sebarang asas yang boleh dijadikan sebagai panduan⁸. Masalah utamanya ialah untuk melatih pegawai-pegawai bagi mengendalikan kementerian ini. Masalah yang lain juga timbul apabila keputusan bagi membuka kedutaan-kedutaan di luar negara. Pelbagai perkara harus dikaji sebelum sesuatu hubungan tersebut dijalankan. Ia harus melibatkan kepentingan pelbagai pihak, khususnya di kalangan negara-negara jiran. Perkembangan dan penyusunan prasarana diplomatik dalam Kementerian Luar ini berlaku dengan perlahan. Keutamaan tertumpu kepada latihan kakitangan yang berkelayakan bagi melaksanakan dasar negara ke luar negara. Antara bulan Ogos hingga akhir bulan Disember 1965, tokoh-tokoh dalam PAP telah membuat beberapa temuduga yang meliputi pelbagai kategori, sama ada daripada

golongan profesional mahupun daripada lepasan-lepasan universiti. Pemilihan yang penuh teliti ini, menyebabkan kelompok pertama hanya dihantar ke luar negeri pada awal tahun 1966.

Syarat Pemilihan Kakitangan

Pada tahun 1967, peringkat awal penubuhan Kementerian Luar Negeri, hanya terdapat sebanyak 15 orang pegawai sahaja. Kementerian ini juga telah diberi peruntukan sebanyak S\$4 juta bagi operasi kementerian ini. Menjelang tahun 1970, kementerian ini telah mempunyai sebanyak 40 orang kakitangan⁹. Ini kerana pada peringkat awalnya, keputusan untuk memilih kakitangan bagi Kementerian Luar ini datangnya daripada mereka yang sedang berkhidmat dalam perkhidmatan awam terlebih dahulu, kebanyakannya daripada bahagian pendidikan. Kerajaan Singapura amat berbangga dengan perkhidmatan awam yang dikatakan memiliki kualiti yang cukup tinggi. Lebih-lebih lagi tahap kecermelangan mereka ini diukur daripada keputusan dan keupayaan mereka dalam pendidikan. Pada 1 haribulan November 1965, Lee Kuan Yew telah mengumumkan bahawa warganegara Malaysia yang ingin berkhidmat dengan kerajaan Singapura bagi menjadi wakil ke luar negeri amat dialu-alukan. Namun begitu, mereka terlebih dahulu harus menganggotai perkhidmatan pentadbiran negeri atau *States Administrative Service* terlebih dahulu¹⁰. Atas dasar keselamatan, pada bulan Mac 1966 kabinet telah membuat keputusan untuk mengambil hanya warganegara Singapura sahaja yang dibenarkan berkhidmat dalam kementerian ini¹¹.

Public Service Commission telah diberi mandat untuk memilih calon-calon yang benar-benar layak dan mempunyai minat yang amat mendalam untuk berkhidmat ke luar negari. Syarat minima bagi perlantikan untuk menganggotai sektor diplomatik ini ialah ijazah pertama. Dalam pemilihan bagi calon ini, pihak kementerian dikatakan memilih sesiapa yang benar-benar layak bagi menentukan pemilihan pegawai-pegawai yang akan menjawat jawatan tersebut. Namun begitu, pengambilan berdasarkan kepada peratusan penduduk antara bangsa Cina, Melayu dan India yang terdapat di Singapura.

Kelonggaran Pemilihan

Menjelang bulan Mac 1972, satu keputusan telah diambil untuk memberi kelonggaran kepada sesiapa yang ingin menganggotai Kementerian Luar ini dan tidak hanya tertumpu kepada perkhidmatan awam sahaja. Oleh itu, satu perkhidmatan luar negeri atau *Foreign Service* telah diwujudkan. Ini membolehkan pegawai-pegawai dilantik, khusus untuk perkhidmatan ini. Matlamat umum bagi penubuhan *Singapore Foreign Service* ini termaktub dalam buku panduan yang telah diedarkan oleh pihak kementerian yang menyatakan bahawa; “*is to ensure that the security prosperity and international standing and influence of Singapore are safeguarded and promoted*”¹².

Di bawah skima yang telah diperuntukkan ini, calon yang layak akan dilantik terus kepada semua tahap, kecuali bagi urusan pesuruhjaya tinggi atau penentuan para duta¹³. Ini berbeda dengan

terdahulu bahawa calon-calon yang dilantik harus terlebih dahulu berkhidmat dengan perkhidmatan awam. Hanya pada tahap-tahap tertentu sahaja yang membolehkan mereka menduduki jawatan ini. Segala latihan mengenai hal ehwal diplomatik disediakan oleh pihak Kementerian Luar kepada pelatih-pelatih baru yang dipilih bagi menganggotai kementerian ini. Kebiasaannya, kerajaan Singapura akan menghantar para pelatih yang terpilih ini sama ada lelaki atau wanita untuk mengikuti kursus selama setahun hingga tiga tahun di Canberra, Australia yang dikendalikan oleh kerajaan Australia di bawah pembiayaan Rancangan Colombo¹⁴ yang juga akan mengendalikan kursus ini di Singapura atau di luar negeri.

Matlamat utama Kementerian Luar ini ialah perbelanjaan bagi aktiviti-aktiviti latihan harus mendapat pulangan sekurang-kurangnya sekali ganda daripada nilai yang dibelanjakan itu. Menteri Luar yang juga selaku Menteri Buruh ketika itu, iaitu S. Rajaratnam pernah menyatakan pada bulan Disember 1966, bahawa; "*Unless we can convince ourselves that if we spend \$2 million in a country, we can get \$4 million in trade - or some political advantage - we will not start a mission there. We do not want a show place*"¹⁵. Menjelang bulan September 1987, Kementerian Luar Singapura mempunyai sejumlah 390 orang kakitangan yang terdapat di Singapura dan 24 orang yang berkhidmat keluar negeri¹⁶. Pada tahun 1990 pula, kementerian ini telah mempunyai peruntukan kewangan sebanyak S\$91 juta¹⁷. Ini menunjukkan bahawa perubahan masa dan perubahan suasana politik antarabangsa telah memaksa peningkatan dalam ilmu pengetahuan, tenaga manusia yang terlatih serta kemudahan-kemudahan teknologi yang terkini bagi

memahami suasana politik yang berlaku dalam hubungan antarabangsa.

Struktur Pentadbiran Kementerian Luar

Dari segi struktur Kementerian Luar, seorang Setiausaha Tetap akan mengetuai pentadbiran ini. Pentadbiran ini dibahagikan kepada lima bahagian yang memainkan peranan kepada fungsi dan asas organisasi kementerian. Bahagian ‘Polisi, Perancangan dan Analisa’ atau *The Policy, Planning and Analysis Division* (PPA) merupakan tunggak utama kepada kementerian ini. Bahagian ini berfungsi kepada sumber-sumber politik dan ekonomi yang dibahagikan kepada tiga kategori. Kategori pertama, iaitu ‘Polisi’ berperanan untuk menyediakan maklumat dan nasihat kepada sebarang keputusan untuk melaksanakan dasar luar Singapura. Kategori kedua, iaitu ‘Perancangan’ berfungsi untuk mengesan sebarang peristiwa semasa, memberi cadangan, mengkaji dan menilai sebarang tindakan yang berlaku. Manakala kategori ketiga, iaitu ‘Analisa’ berfungsi untuk mengumpul, menghimpun dan membuat tafsiran terhadap sebarang maklumat yang terdapat¹⁸.

PPA ini terbahagi kepada beberapa cawangan dan setiap cawangan diketuai oleh seorang pengarah. Cawangan pertama berkaitan dengan urusan Asia Tenggara, termasuk Vietnam, Laos dan Kemboja. Cawangan kedua pula berkaitan dengan urusan Eropah Barat, Amerika Utara, kawasan Pasifik dan negara-negara dunia ketiga. Manakala

cawangan ketiga pula, berkaitan dengan urusan negara-negara sosialis, organisasi antarabangsa, berita dan maklumat¹⁹.

Bahagian kedua pula merujuk kepada ‘Bahagian ASEAN’ yang diketuai oleh seorang ‘Pengarah Umum Asean-Singapura’. Peranan utama bahagian ini ialah untuk merintis, menyelaras dan mengurus peranan Singapura dalam pelbagai aspek yang berkaitan dengan rangka kerja Asean. Bahagian ini juga bertanggungjawab untuk mengawasi dan mengurus kerjasama ekonomi dan teknikal antara negara-negara Asean dan negara-negara rakan dialog yang lain seperti Australia, Kanada, Negara-negara Eropah, Jepun dan Amerika Syarikat. Bahagian yang seterusnya terdiri daripada ‘Bahagian Protokol dan Konsular’, ‘Bahagian Pentadbiran’ dan ‘Bahagian Informasi yang memainkan peranan kepada urusan-urusan bukan politik dan hal-hal pentadbiran kepada kementerian²⁰.

Peranan pakar-pakar profesional yang terlatih dalam pelbagai bidang amat diperlukan untuk menganalisis sesuatu perkara yang berlaku dalam suasana politik antarabangsa. Perubahan-perubahan ini adalah disebabkan oleh peranan negara-negara lain yang menjadi tumpuan utama dalam dunia antarabangsa, khususnya yang melibatkan aspek-aspek ekonomi dan keselamatan. Menteri Luar Singapura, S. Rajaratnam pernah menyatakan bahawa;

“... Singapore, even though it is a small country, does get involved in many aspect of foreign policies - one has to collect accurate data and examine many possible options: our margin of error is pretty small. In the early days, there were practically no foreign policy experts.

Slowly we built a bureaucracy which specialized in various aspects of foreign policy making... So the civil service had to help us with accurate data and considered views”²¹.

Apa yang penting sekali ialah tidak harus wujud sebarang pertelingkahan antara pihak pemerintah dengan pihak tentera. Pihak tentera juga memainkan peranan penting dalam menentukan dasar yang harus dimainkan oleh pihak kerajaan dan bentuk hubungannya dengan negara luar. Keselarasan peranan yang dimainkan oleh kedua-dua pihak akan dapat membantu perkembangan ekonomi dan pembangunan negara Singapura.

Penubuhan Pusat-Pusat Perwakilan

Dua faktor yang menentukan penempatan lokasi para perwakilan ini ke seberang laut. Faktor utama ialah kepentingan politik dan faktor yang kedua ialah kepentingan perdagangan dua hala yang boleh diwujudkan antara negara. Pada peringkat awal, Singapura lebih menumpukan perhatian dalam hubungannya dengan negara-negara blok Afro-Asia. Kumpulan ini memegang konsep tidak memihak dan menentang sebarang bentuk penjajahan fizikal serta penjajahan ideologi di kalangan negara-negara di Afrika dan di Asia. Dalam jangkamasa yang sama juga, Singapura mengekalkan hubungan yang erat dengan negara-negara Komenwel, khususnya Britain, Australia, New Zealand dan Malaysia. Negara-negara ini antara negara yang pertama mempunyai pesuruhjaya tinggi daripada Singapura. Pada

tahun 1967, satu perwakilan Singapura telah diwujudkan di India. Ini kerana India merupakan pemimpin utama daripada blok Afro-Asia dan anggota negara-negara Komenwell. Penghormatan juga diberikan atas usaha India untuk menentang konsep penjajahan dan penentangan terhadap gerakan sosialis. Sebelum itu, dalam tahun 1966, wakil-wakil kedutaan telah dihantar ke Thailand dan Cambodia. Manakala kedutaan di Indonesia telah diwujudkan pada tahun 1967²².

Hubungan Singapura dengan negara-negara di blok Afro-Asia ini telah membolehkan beberapa kedutaan diwujudkan. Antaranya kedutaan Singapura di Mesir telah dibuka pada tahun 1967 dan ia meliputi Ethiopia, Yugoslavia dan Lebanon. Kedutaan Singapura telah dibuka di Washington, D.C. pada tahun 1967 dan setahun selepas itu, Singapura telah membuka kedutaannya di Tokyo. Hubungan diplomatik yang dijalankan di antara kedua-dua buah negara ini bermatlamat kepada satu tujuan, iaitu untuk mewujudkan Singapura sebagai pusat tumpuan industri dan perdagangan utama di rantau ini. Ini dijangka akan membolehkan teknologi-teknologi baru meresap masuk ke dalam negara. Lebih-lebih lagi penubuhan ASEAN telah mewujudkan kerjasama di kalangan negara-negara di rantau Asia Tenggara ini. Oleh itu, dalam tahun 1968 Singapura telah membuka kedutaan mereka di semua negara-negara yang menganggotai pertubuhan ini. Ini sesuai dengan matlamat Singapura bahawa setiap belanja yang dikeluarkan seharusnya mendapat pulangan yang besar hasil daripada kerjasama antara dua atau lebih negara²³.

Hubungan Tentera-Rakyat

Hubungan tentera-rakyat ialah satu bentuk hubungan yang wujud antara pihak pemerintah yang dipilih oleh rakyat dengan golongan pegawai-pegawai tentera. Golongan tentera ini ialah satu elemen penting dalam menentukan organisasi ketenteraan. Dalam beberapa aspek, keselamatan masyarakat adalah di bawah tanggungjawab pihak tentera. Wakil rakyat yang dipilih dalam kerajaan akan menentukan kebijakan rakyat dijaga dan menjadi tanggungjawabnya menentukan keselamatan terjamin²⁶. Justeru itu, hubungan ekonomi dan sosial antara pihak tentera dengan masyarakat awam adalah berdasarkan kepada hubungan politik antara pegawai tentera dengan pihak kerajaan. Hakikatnya, fokus utama hubungan tentera-rakyat terletak pada bentuk organisasi kepimpinan antara pegawai-pegawai atasan tentera dengan pihak atasan kerajaan²⁵. Ini selaras dengan kenyataan Finer yang menyatakan bahawa;

“The armed forces have three massive political advantages over civilian organization; a marked superiority in organization, a highly emotionalized symbolic status, and a monopoly of arms. They form a prestigious corporation or Order, enjoying overwhelming superiority in the means of applying force. The wonder, therefore is not why this rebels against its civilian masters, but why it obey them”²⁶.

Organisasi ketenteraan adalah bersifat profesional dari pandangan tentera. Namun begitu, Singapura telah berjaya membendung campurtangan pihak tentera dalam kerajaan melalui beberapa

pendekatan yang telah dijalankan. Lebih-lebih lagi ketiadaan campur tangan pihak tentera telah membolehkan pihak kerajaan menjalankan dasar luarnya dengan lebih aktif lagi. Ini kerana terdapat beberapa faktor yang membolehkan perkara ini berjalan dengan lancarnya. Antaranya ialah pengiktirafan kepimpinan, penglibatan dalam proses kemerdekaan, tradisi ketenteraan, peruntukan perbelanjaan SAF, persaingan pengaruh dan kesedaran politik di kalangan pihak tentera.

Pengiktirafan Kepimpinan

Antara faktor yang mengekalkan kuasa rakyat ke atas pentadbiran negara ialah kerana tiada terdapat campurtangan di kalangan pihak tentera dalam politik. Ini kerana pihak tentera menyokong penuh pimpinan Lee Kuan Yew. Parti PAP telah berjaya membawa Singapura ke mercu kejayaan yang cemerlang dari sudut ekonomi. Ini jelas dengan pendapatan perkapita pada tahun 1990 adalah sebanyak S\$19,000 juta. Kadar pendapatan ini merupakan di kalangan 30 buah negara yang tertinggi di dunia. Justeru itu, Singapura telah berjaya mencapai status yang tinggi dan kestabilan negara dapat dikekalkan. Ini sesuai dengan kenyataan Nordlinger dalam *The Penetration Modelnya* yang menyatakan bahawa pemerintahan awam memperolehi ketaatan dan kesetiaan apabila berjaya menyerapkan idea-idea dan ahli-ahli politik ke dalam struktur angkatan tentera. Di sepanjang hidup mereka, pegawai sentiasa ditanamkan dengan idea politik pemimpin awam mereka. Dalam akademi tentera, sering kali diadakan perbincangan-perbincangan untuk membentuk kepercayaan politik tentera. Persamaan

idea yang wujud kemudiannya antara pihak awam dengan tentera akan menghapuskan sebarang potensi yang boleh membawa kepada konflik di antara mereka²⁷.

Sesuatu yang menarik juga ialah angkatan tentera Singapura tidak pernah terlibat dalam proses untuk menuntut kemerdekaan Singapura sewaktu penjajahan British dan sewaktu berada dalam Persekutuan Tanah Melayu. Tuntutan kemerdekaan ini telah dijalankan oleh ahli-ahli politik yang terdiri daripada orang awam yang berusaha untuk membebaskan diri daripada belenggu penjajahan. Dalam hal ini, kuasa separuh autonomi telah diberikan kepada Singapura pada tahun 1959 selepas pilihanraya yang pertama. Ini membolehkan pentadbiran dijalankan oleh penduduk negara itu sendiri. Lebih-lebih lagi kemerdekaan dicapai tanpa sebarang pertumpahan darah. Semua ini adalah hasil usaha ahli-ahli politik yang tidak melibatkan pihak tentera.

SAF ditubuhkan dalam jangka masa pendek sekali. Selepas keluar daripada Malaysia, SAF tidak mempunyai tenaga tentera yang tersendiri. Apa yang wujud ialah angkatan tentera daripada rakyat Malaysia sahaja²⁸. Cadangan British untuk keluar daripada rantau ini juga telah memaksa penubuhan ini dijalankan dengan segera. Ini menyebabkan SAF kekurangan pengalaman dalam tradisi ketenteraan. Dalam jangka waktu penubuhannya, SAF tidak pernah terlibat dalam sebarang bentuk peperangan sebenar, sama ada secara besar-besaran atau juga sesuatu revolusi yang berlaku²⁹.

Peruntukan Perbelanjaan SAF

Pihak kerajaan telah memenuhi segala keperluan-keperluan yang diinginkan oleh SAF secara keseluruhannya. Dalam hal ini, perbelanjaan kepada pertahanan negara sentiasa ditingkatkan atau setidak-tidaknya dikekalkan mengikut keperluannya. Sebagai contoh, pada tahun 1976, peruntukan kepada perbelanjaan pertahanan ini adalah sebanyak S\$788 juta. Pada tahun 1983-84 perbelanjaan ini telah ditingkatkan kepada sebanyak S\$2,294 juta, dan pada tahun 1990-91, peruntukan ini juga telah ditingkatkan kepada S\$3,468 juta³⁰. Seah Chee Meow telah mengaitkan aspek pertahanan ini dengan peruntukan perbelanjaan kerajaan dan menyatakan bahawa;

“Budget allocations for defence took up one-third of the proposed expenditure and a freeze was imposed on other sectoral expenditures. At the same time, new tax measures were introduced, mainly to increase revenue for defence spending. In initiating these measures the government was not unaware of the problems this created. Expenditures on social cost. Yet, in developing the defence sector, the vulnerability of the small state was not underestimated, either. Indeed, the heavy emphasis on defence was largely to defer potential aggressors, since a well-equipped and well-trained population could bear the initial brunt of any hostilities, and in the process inflict a heavy toll on the aggressors. This ‘poisonous shrimp’ strategy, as elaborated elsewhere, has been gradually strengthened with the constant upgrading of training programs and equipment”³¹.

Ini menunjukkan bahawa pihak pemerintah telah mengekalkan perbelanjaan pertahanan sebanyak enam peratus daripada

Keluaran Dalam Negara Kasar setiap tahun³². Semua ini bertujuan untuk memastikan agar tahap profesionalisme angkatan tentera sentiasa tinggi dan meningkat. Pihak kerajaan juga telah melancarkan skim pemberian biasiswa kepada para pelatih yang terbaik untuk mengikuti kursus-kursus ke luar negara. Pada ketika ini, SAF ada menyediakan sekurang-kurangnya tiga kategori bagi para pelatih yang mendapat keistimewaan untuk melanjutkan pelajaran mereka ke peringkat yang lebih tinggi. Pada kategori pertama, terdapat tawaran basiswa yang dikeluarkan kepada universiti-universiti yang ternama di dunia seperti Oxford dan Cambridge kepada kadet-kadet pelatih yang baru memasuki sektor ini untuk meningkatkan imej SAF³³.

Sekembalinya mereka daripada luar negeri, mereka akan berkhidmat sekurang-kurangnya lapan tahun dengan SAF. Antara tahun 1971 hingga 1979, terdapat 64 pelatih telah memasuki universiti-universiti di United Kingdom seperti di Oxford, Cambridge dan sebagainya. Mereka ini mengkhusus dalam bidang seperti 'Metematik Statistik', 'Kejuruteraan laut, awam dan elektrik' dan 'Sains Gunaan'. Pada kategori kedua, disediakan 'Anugerah Latihan seberang Laut' atau *Overseas Training Awards* yang dikhkususkan kepada mereka yang menawarkan diri untuk menjadi pegawai tentera. Mereka yang mempunyai kelayakan yang baik akan dihantar ke akademi tentera di seberang laut seperti di United Kingdom, Australia dan Jepun. Tujuan utama mereka ditempatkan di universiti ini ialah supaya mereka terlatih dalam bidang strategi dan teori peperangan yang melibatkan aspek ketenteraan secara keseluruhannya. Kategori yang ketiga pula, ialah 'Anugerah Latihan SAF' atau *SAF Training Awards* yang ditawarkan

kepada pegawai-pegawai tentera untuk meningkatkan status pendidikan mereka di *National University of Singapore*. Mereka ini akan mengikuti kursus-kursus seperti di Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Fakulti Sains, Fakulti Pentadbiran Perniagaan dan di Fakulti Kejuruteraan³⁴.

Kerajaan sentiasa memastikan agar pelarasan gaji kepada kakitangan tentera ini disemak mengikut keperluannya. Oleh itu, peningkatan peluang dalam sektor ketenteraan adalah terbuka luas dan lebih cepat, khususnya dalam bidang pentadbiran. Pegawai-pegawai yang telah lama berkhidmat dalam angkatan tentera juga akan diberi pilihan untuk memasuki perkhidmatan awam, khususnya kepada sektor pentadbiran. Ini bertujuan untuk mengelakkan pegawai-pegawai tinggi menamatkan perkhidmatan mereka dan memasuki sektor swasta. Ini kerana dengan insentif yang cukup menarik daripada pihak swasta, maka sudah tentu tenaga manusia yang telah dilatih dalam bidang ini akan berkurang, sedangkan untuk mendapatkan kepakaran seperti golongan-golongan ini memerlukan satu jangkamasa yang agak lama serta kadar perbelanjaan yang agak banyak.

Namun begitu, apabila terdapat keadaan yang mewujudkan rasa tidak puas hati atau tiada peluang bagi kenaikan pangkat, mereka yang mempunyai kemahiran akan meletakkan jawatan dan berkhidmat dengan dengan pihak swasta. Perkara-perkara seperti ini adalah lumrah bagi mereka yang telah lama berkhidmat dalam perkhidmatan ini. Namun begitu, kerajaan akan berusaha untuk membendung perkara ini daripada merebak dengan meluas. Ini seperti yang dinyatakan oleh Chan Heng Chee bahawa;

*"In the case of Singapore where military officers have qualifications in great demand outside the armed forces, disgruntled young officers do not plan coups, but merely resign to join the lucrative private sector with their highly marketable skills"*³⁵.

Yang jelas sekali ialah peruntukan belanjawan memberi kesan kepada kesejahteraan, biasanya kepada pegawai-pegawai atasan tentera, termasuklah gaji, jumlah kenaikan pangkat, faedah-faedah selepas bersara, kemudahan perumahan dan faedah sampingan yang lain. Perubahan dalam belanjawan juga merupakan petunjuk yang baik mengenai kuasa politik dan prestij angkatan bersenjata. Pengurangan dalam perbelanjaan menggambarkan kehilangan pengaruh dan kedudukan. Peningkatan perbelanjaan pula akan mempengaruhi persepsi pegawai-pegawai tentang struktur angkatan tentera sebagai sebuah organisasi yang moden dan profesional seperti mana yang telah dilakukan oleh pucuk pimpinan Singapura kepada SAF mereka³⁶. Chan Heng Chee juga ada menyatakan bahawa; *"It is the civilian political leaders will take place on budget allocations and discussions of strategic matters, but the distinction between 'political' and 'military' areas of responsibility will be maintained"*³⁷.

Dalam perkhidmatan ini, dikatakan persaingan pengaruh atau perebutan pangkat di kalangan ahli-ahli kurang berlaku. Ini kerana kedudukan seseorang dalam perkhidmatan tersebut sentiasa dikaji dari semasa ke semasa. Pengkajian ini dilakukan dengan penuh teliti dan akan disokong oleh kerajaan demi untuk memastikan kesetiaan mereka kepada negara. Dalam hal ini, Singapura juga mempunyai ketua

turus angkatan tentera yang paling lama berkhidmat kepada sesebuah negara, iaitu Leftenan General Winston Chew yang telah memegang jawatan tersebut semenjak tahun 1972. Di bawah pentadbiran beliau, kerjasama di kalangan ahli-ahli SAF telah dikekalkan dengan sebaik mungkin.

Semakin kompleks masyarakat Singapura, maka semakin kurang minat angkatan tentera ini untuk menawarkan diri atau mengambil alih pentadbiran Singapura. Ini kerana kesedaran politik dalam sektor angkatan tentera ini adalah rendah akibat daripada batasan yang dikenakan kepada golongan ini. Kesedaran politik adalah sebahagian daripada pengetahuan dan kepekaan anggota masyarakat terhadap persoalan kuasa dan kuat kuasa dalam masyarakat mereka. Lebih-lebih lagi *Code of Conduct for the Armed Forces* yang diperkenalkan pada tahun 1967 telah menyebabkan mereka tertakluk kepada undang-undang ini.

Falsafah ini menekankan kepada konsep *idea of the state* yang telah dirangka oleh ahli-ahli politik yang terdiri daripada orang awam supaya golongan tentera ini patuh kepada negara secara seluruhnya. Falsafah ini juga menekankan kepada faktor keselamatan dan pertahanan negara. Dalam hal ini, ahli-ahli SAF tidak dibenarkan melibatkan diri dalam sebarang parti-parti politik yang akan menggugat kesetiaan mereka kepada negara. Tidak wujudnya satu-satu ideologi politik yang boleh mempengaruhi struktur SAF ini, sama ada melalui kekerasan atau satu-satu tindakan yang boleh menaikkan semangat masyarakatnya. Batasan ini terdapat dalam akta tersebut yang menyatakan bahawa;

"The 'Code' emphasizes a strictly professional role for the armed forces as an instrument of the state in defence and security, and underlines the 'above-politics' principle in its course of duty. All SAF members are urged not to allow party politics to interfere with their loyalty to the government at any time. They are to be courageous, disciplined, moral, decorous and dedicated at all times"³⁸.

Pegawai tentera ini merupakan golongan profesional kerana **kemahiran** yang mereka perolehi. Pada umumnya, mereka terlatih **dan** mahir dalam mengarah, mentadbir dan menggerakkan sebuah organisasi yang aktiviti utamanya adalah membuat persiapan untuk menggunakan kekerasan dan keganasan. Malah Huntington menegaskan bahawa pakar ketenteran memerlukan satu latar belakang yang luas mengenai kebudayaan untuk dikuasainya. Pegawai tentera tidak akan dapat mengembangkan kebolehan menganalisis, mengimiginasi dan pertimbangannya sekiranya ia cuma dilatih dalam **bidang** tugasnya sahaja. Kebolehan dan kebiasaan fikiran yang diperlukan dalam bidang pekerjaannya hanya boleh diperolehi melalui **pembelajaran** yang lebih luas daripada pekerjaannya³⁹. Menurut Huntington lagi, semakin bertambah kemahiran pegawai tentera, maka semakin kurang kemahiran untuk mereka campur tangan. Ini akan mewujudkan ciri-ciri positif dan keinginan untuk mencapai **cita-cita** bersama, iaitu kecermelangan ketenteraan dan kedaulatan negara⁴⁰.

Peranan Singapura dalam PBB

Dalam konteks politik dan diplomasi, Singapura juga telah memainkan peranannya sebagai salah sebuah anggota Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Selaku anggota pertubuhan, Singapura telah memberi sokongan yang kuat kepada piagam Bangsa-Bangsa Bersatu dan telah membantu masyarakat antarabangsa melalui undang-undang antarabangsa yang telah ditetapkan melalui keputusan majlis anggota Bangsa-Bangsa Bersatu. Sumbangan Singapura melalui peranan yang dimainkan oleh SAF dalam beberapa misi antarabangsa telah membolehkan Singapura dikenali dan dihormati di seluruh dunia.

Terdapat dua operasi pengaman yang telah dituruti oleh Singapura hasil daripada keputusan pihak PBB bagi membantu negara-negara yang menghadapi masalah seperti operasi pengaman di Kuwait. Operasi ini dikenali sebagai UNIKOM atau *United Nation Iraq-Kuwait Observation Mission* dan operasi pengaman di Anggola yang dikenali sebagai UNAVEM atau *United Nation Angola Verification Mission*. Singapura juga telah memainkan peranan dalam operasi bantuan kemanusiaan di negara-negara yang menghadapi bencana atau malapetaka. Dalam tahun 1990, bantuan kemanusiaan telah diberikan kepada negara Jordan yang telah membantu para pelarian yang menyelamatkan diri daripada serangan Iraq sewaktu menawan Kuwait. Operasi bantuan yang lain ialah seperti bantuan kepada mangsa gempabumi di Filipina dan bantuan kemanusiaan sewaktu berlakunya Perang Teluk pada tahun 1991⁴¹.

Kesimpulan

Kestabilan politik merupakan elemen terpenting yang ingin dikekalkan oleh pucuk pimpinan PAP kepada Singapura. Kestabilan politik ini bukan sahaja dapat menguatkan keselamatan negara, malah ia juga turut mengukuhkan struktur ekonomi negara melalui pelaburan asing yang wujud di Singapura. Elemen ini akan mewujudkan keharmonian kaum serta peningkatan dalam daya pengeluaran hasil daripada penyatuan masyarakat yang telah dirancang dengan rapi ini.

S. Rajaratnam mengatakan bahawa;

The... reason why we [PAP] are not nervous of foreign investors is that Singapore is politically stable and disciplined. It is only when a country is politically unstable and fragmented that foreign investors can more readily convert a country into its political client...If foreign investors are convinced of the political and economic stability of a country then there is less temptation for them to meddle in its affairs”⁴⁴.

Segala yang boleh membawa kepada pergolakkan politik atau usaha yang membawa kepada keruntuhan keharmonian kaum, maka pihak berkuasa akan menggunakan apa cara sekalipun untuk membendung perkara ini. Pelbagai akta dan undang-undang telah dirangka agar masyarakat tempatan dan masyarakat asing yang berada di Singapura ini harus mematuhi segala dasar yang telah ditetapkan oleh kerajaan. Segala yang dilakukan ini bertujuan untuk memaju dan meningkatkan prestij negara kepada dunia luar. Ini jelas sekali kerana konsep sebuah negara kecil adalah berdasarkan kepada;

“State which recognize their inability to obtain security through their own resources and must rely on assistance, direct or indirect, from other sources as well as the fact that the small states deficiencies are recognized by other states in the international system”⁴³.

Persekutuan luar ini boleh mendatangkan kesan yang lebih mendalam terhadap matlamat sesebuah negara, kerana dalam sistem hubungan antarabangsa terdapat beberapa nilai atau doktrin yang mengatasi kepentingan negara tersebut. Dalam beberapa hal, sesebuah negara tersebut terpaksa mengetepikan kepentingannya untuk mendapatkan matlamat yang ingin dicapai. Ini jelas dengan dasar luar Singapura yang lebih tertarik dengan sistem keselamatan Isreal dan mengambilnya sebagai contoh yang paling baik. Pakar-pakar kewangan dan pakar-pakar strategi ketenteraan telah dibawa masuk untuk memantapkan negara ini. Sedangkan negara-negara di rantau Asia Tenggara ini menentang sebarang bentuk perhubungan dengan Isreal kerana dasarnya yang mencabul kehormatan negara Palestin. Begitu juga dengan keghairahan pihak Singapura yang memegang prinsip ingin mengekalkan kehadiran kuasa asing, khususnya Amerika Syarikat di rantau ini yang boleh mewujudkan *Balance of Power* sama ada dengan negara-negara jiran atau juga dengan kuasa-kuasa besar yang lain. Ini kerana pengalaman sejarah telah membuktikan betapa tanpa kemantapan politik dan kekuatan keselamatan serta ketenteraan di rantau ini, maka sudah tentu kuasa-kuasa besar yang mempunyai minat terhadap rantau ini akan berusaha untuk menguasai, sama ada aspek ekonomi dan mahupun juga dari aspek fizikalnya.

Nota Akhir

1. Lihat Chan Heng Chee, "Political Development : 1965-1979" dalam Ernest C.T. Chew and Edwin Lee (eds.), 1991, **A History of Singapore**, Oxford University Press, hal. 616-162.
2. Lihat James MacGregor Burns, 1978, **Leadership**, New York, Harper, hal. 8-9.
3. Lihat K.J. Holsti, **International Politics : A Framework for Analysis**, Engle Cliffs, New Jersey, Prentice-Hall International, Inc., hal. 133.
4. Lihat dalam *The Straits Times*, Singapore, 11 Ogos 1965.
5. Lihat Chang Heng Chee, "The PAP and The Structuring of the Political System" dalam Kernal Singh Sandhu and Paul Wheatley (eds), 1989, **Management of Success : The Moulding of Modern Singapore**, Singapore, Institute of Southeast Asian Studies, hal. 71.
6. Lihat Seah Chee Meow, "The Singapore Bureaucracy and the Issues of Transition", dalam Riaz Hassan (ed.), 1976, **Singapore : Society in Transition**, Kuala Lumpur, Oxford University Press, hal. 52-66.
7. Lihat Chang Heng Chee, "The PAP and The Structuring of the Political System" *op. cit.*, hal. 75-76.
8. Lihat Obaid Ul Haq, "Singapore's Search for Security : A Selective Analysis" dalam Stephen Chee (ed.), 1991, **Leadership and Security in Southeast Asia**, Singapore, Institute of Southeast Asian Studies, hal. 126.
9. Lihat P.J. Boyce, 1977, **Foreign Affairs for New States : Some Questions of Credentials**, Brisbane, University of Queensland Press, hal. 228.
10. Lihat *The Straits Times*, Singapore, 18 Mac 1966, hal. 3.

11. Lihat *The Straits Times*, Singapore, 19 November 1965, hal. 1 dan lihat *The Straits Times*, Singapore, 18 Mac 1966.
12. Lihat **The Foreign Service**, Handbook of the Ministry of Foreign Affairs, Singapore, September 1987, hal. 2.
13. Lihat *New Nation*, Singapore, 8 April 1972, hal. 2.
14. Lihat Australia, *Current Notes on International Affairs*, Vol. 41, No. 3, Mac 1970, hal. 136-137.
15. Lihat "Singapore" dalam *Far Eastern Economic Review Yearbook*, 25 Disember 1967, hal. 293.
16. Lihat **The Foreign Service**, *op. cit.*, hal. 2
17. Lihat *Straits Times*, Singapore, 12 Mac 1990.
18. Lihat **The Foreign Service**, *op. cit.*, hal. 1
19. Ibid., hal. 4.
20. Untuk maklumat lanjut akan bahagian-bahagian ini lihat **The Foreign Service**, Handbook of the Ministry of Foreign Affairs, Singapore, September 1987.
21. Lihat Chan Heng Chee and Obaid Ul Haq (eds.), 1987, **S. Rajaratnam: The Prophetic and The Political**, Singapore, Graham Brass, hal. 486-487.
22. Lihat Singapore, **Diplomatic and Consular List**, Singapore, Ministry of Foreign Affairs, July 1970, hal. 75-76.
23. Ibid., hal. 76.

24. Lihat Zakaria Haji Ahmad and Harold Crouch (eds.), 1985, **Military-Civilian Relations in South-East Asia**, Singapore, Oxford University Press, hal. 4.
25. Lihat maklumat lanjut dalam Eric A. Nordlinger, 1977, **Soldiers in Politics: Military Coups and Governments**, Prentice Hall, Inc., Englewood Cliffs, New Jersey, hal. 2-3.
26. Lihat S.E. Finer, 1988, **The Man On The Horse Back : The Role of Military in Politics**, Westview Press, Boulder, Colorado, hal. 5
27. Lihat Eric A. Nordlinger, *op. cit.*, hal. 15.
28. Lihat Chan Heng Chee, "Singapore" dalam Zakaria Haji Ahmad and Harold Crouch (eds.), *op. cit.*, hal. 136.
29. Ibid., hal 139.
30. Lihat *Straits Times*, Singapore, 12 Mac 1990 dan lihat juga dalam Michael Richardson, "Singapore : Poison Shrimp" dalam *Pacific Defence Reporter*, Jun 1985, hal. 20.
31. Lihat Seah Chee Meow, "Singapore", dalam D. Mauzy (ed.), **Politics in the ASEAN State**, Kuala Lumpur, Maricans (t.t.), hal. 200.
32. Lihat Muthiah Alagappa, "Military Professionalism and the Development Role of the Military in Southeast Asia", dalam J. Soedjati Djiwandono and Yong Mun Cheong (eds.), 1988, **Soldiers and Stability in Southeast Asia**, Singapore, Institute of Southeast Asian Studies, hal. 32.
33. Lihat Chan Heng Chee, "Singapore" dalam Zakaria Haji Ahmad and Harold Crouch (eds.), *op. cit.*, hal. 144.
34. Ibid., hal. 145-146.

35. Ibid., hal. 147-148.
36. Lihat Eric A. Nordlinger, *op. cit.*, hal. 68.
37. Lihat Chan Heng Chee, "Singapore" dalam Zakaria Haji Ahmad and Harold Crouch (eds.), *op. cit.*, hal. 154.
38. Dipetik daripada Chan Heng Chee, "Singapore", *op. cit.*, hal. 150.
39. Lihat Samuel P. Huntington, 1957, **The Soldiers and The State : The Theory and Politics of Civil-Military Relations**, New York, Random House, hal. 14.
40. Ibid., hal. 71.
41. Lihat *Asian Defence Journal*, August 1994, hal. 24.
42. Lihat teks ucapan S. Rajaratnam yang dipetik dari Tae Yul Nam, "Singapore's One-Party System : Its Relationship to Democracy and Political Stability" dalam *Pacific Affairs*, Vol XLII, No. 4, Winter 1969-70, hal. 470.
43. Lihat Bilveer Singh, 1988, **Singapore : Foreign Policy Imperatives of a Small State**, Singapore, Heinemann, hal. 2.